

Malaysia pusat kewangan Islam

BH 26 JUN 2001

Oleh Zulkofli Jamaludin,
Abdul Halim Yusof dan
Nor Liza Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin – Malaysia sedia menjadi tuan rumah Pertubuhan Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSO) bagi merangka piawai-piawai pengawalseliaan dan pelaksanaan sistem kewangan Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pelarasan itu penting kerana negara Islam kini menggunakan piawai-piawai berbeza sehingga menyukarkan sistem perbankan Islam digunakan untuk perdagangan.

“Semua negara Islam boleh menjadi ahli IFSO yang akan menentukan piawai-piawai dan kaedah sistem perbankan Islam bagi memudahkan urusan niaga.

“Walaupun, banyak negara mempunyai sistem perbankan Islam,

Perdana Menteri menawarkan Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Pertubuhan Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSO) yang dicadangkan oleh Pertubuhan Negara Islam (OIC)

standarnya tidak sama. Bila tidak sama, kita susah hendak ada perdagangan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Al Baraka ke-20, di sini hari ini.

Simposium tajaan Kumpulan Dallah Al Baraka yang berpusat di Arab Saudi itu pertama kali diadakan di luar rantau Timur Tengah.

Selain Malaysia, Bahrain turut menawarkan diri menjadi pusat IFSO yang dicadangkan oleh Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Dalam ucapannya, Dr Mahathir yang memegang jawatan Menteri

Kewangan berkata, penubuhan IFSO bukan saja membantu memantapkan perbankan Islam, malah membolehkan negara Islam yang mempunyai banyak wang, menyimpan melalui sistem perbankan Islam.

“Memandangkan jumlah wang yang besar dipegang oleh negara Islam, dan wang itu disimpan di luar dunia Islam yang mana tiada perbankan Islam dan mereka tidak mendapat sebarang faedah, kerugian kepada dunia Islam adalah besar.

“Sebaliknya, banyak negara Islam memerlukan wang dan terpak-

sa menerima pinjaman di bawah sistem riba. Jika kita dapat menubuhkan tabung dan bank Islam, kita tidak hanya mendapat pulangan daripada pelaburan, tetapi akan mengurangkan beban saudara Islam kita yang miskin,” tegasnya.

Perdana Menteri berkata, perbankan dalam Islam bukan setakat memberi pinjaman untuk mendapat keuntungan daripada peminjam, tetapi kedua-dua pihak akan mendapat faedah daripada transaksi kewangan itu.

Oleh itu, katanya, perbankan Islam jauh lebih unggul daripada amalan perbankan komersial sedia ada. Dalam hubungan ini, penubuhan IFSO akan memberi manfaat kepada semua.

Beliau juga berkata, negara Islam juga perlu mewujudkan sistem kadar tukaran yang dapat meningkatkan dagangan antara mereka da-

lam bentuk sistem pembayaran tanpa bergantung kepada dolar Amerika.

Malaysia, katanya, sudah memperkenalkan Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) yang mana jumlah dagangan antara dua negara dikira dalam tempoh masa ditetapkan. Hanya perbezaan antara jumlah nilai eksport dan import dibayar dalam satu mata wang yang dipersetujui.

Sejak pengenalan BPA beberapa tahun lalu, dagangan dengan banyak negara membangun di bawah peraturan itu meningkat lebih 400 peratus. Setakat ini, Malaysia menandatangani BPA dengan 24 negara yang mana satu pertiga adalah negara Islam.

“Lebih banyak negara akan menyertainya, tetapi sebahagian negara mempunyai undang-undang



Lihat Muka 2

Negara Islam perlu kuasai IT

DARI MUKA 1

sendiri yang menyukarkan mereka mengadakan BPA," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga mengingatkan negara Islam supaya tidak setakat menjadi pengguna dan menguasai teknologi maklumat, tetapi membangunkan aplikasi perkakasan dan perisian.

"Kita perlu bersedia bagi membolehkan agama dan nilai kita tidak terjejas," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, berkata keputusan tawaran Malaysia menjadi tuan rumah IFSO akan diketahui September.

Selain Malaysia, Bahrain juga begitu agresif menawarkan diri menjadi tuan rumah IFSO dan keputusan muktamad mengenai negara yang layak akan diumumkan di Washington, tiga bulan lagi.

Bagi penubuhan IFSO, sebuah jawatankuasa dianggotai wakil bank pusat dan pihak berkuasa berkaitan sektor perbankan Islam, dilantik untuk membincangkan pelbagai isu berhubung matlamat dan pelaksanaannya.

"Pada mesyuarat di Prague, September lalu, jawatankuasa yang dilantik turut berbincang mengenai matlamat, struktur dan fungsi IFSO sebagai sebuah badan kawal selia kewangan Islam," katanya selepas majlis pelancaran Produk Pembiayaan Al-Tijarah Hong Leong Bank Bhd di sini, hari ini.